

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO (NEGARA)

TARIKH: 22 OGOS 2019

MUKA SURAT: 13

↳ Kilang haram punca pencemaran bau kimia

SEREMBAN - Pencemaran bau kimia di kawasan Taman Paroi Jaya, Taman Panchor Jaya dan Ampangan dekat sini sejak dua minggu lalu dipercayai berpunca daripada aktiviti dua buah kilang yang beroperasi secara haram berhampiran kawasan tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S. Veerapan berkata, dua kilang haram yang beroperasi di Jalan Pantai-Jelebu terbabit adalah kilang kitar semula plastik dan kilang peleburan timah.

"Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan menerima banyak aduan pencemaran bau kimia di kawasan tersebut. Operasi bersepadu hari ini (semalam) mendapati terdapat dua buah premis beroperasi secara haram di situ.

"Kilang pertama didapati menjalankan proses meleburkan timah menggunakan arang batu sebagai bahan api dan kilang kedua adalah kilang memproses plastik terpakai yang turut menghasilkan pencemaran udara," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Veerapan berkata, semakan mendapati kilang peleburan timah itu tidak mempunyai sebarang lesen dan beroperasi di atas tanah berstatus pertanian, manakala kilang kitar semula plastik juga tidak memiliki



TIMBALAN Pengarah Operasi JAS Negeri sembilan, S. Sivanathiran (tengah) menunjukkan sampel sisa pencemaran dalam operasi bersepadu di sebuah premis Jalan Pantai-Jelebu dekat Seremban semalam.

lesen.

Menurutnya, kedua-dua kilang itu ditahan operasi mengikut Seksyen 38 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 34A akta sama kerana menjalankan aktiviti tanpa kelulusan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekitar (EIA).

Sementara itu, katanya, pemeriksaan ke atas sebuah kilang membuat lantai seramik di kawasan berkenaan mendapati ia beroperasi tanpa alat kawalan udara bagi mengawal pencemaran yang dihasilkan.

Jelasnya, kilang itu diberi notis arahan mengikut Seksyen 31 dan 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.